

Headline	Selesai alih kabel elektrik haram		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	48
ArticleSize	97 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,715		



## Selesai alih kabel elektrik haram

**Kuala Lumpur:** Semua kabel elektrik yang dikenalpasti dipasang secara haram di dalam longkang sekitar ibu kota yang dipercayai menjadi punca utama risiko banjir kilat sudah dialihkan.

Pengurus Besar Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kuala Lumpur, Datuk Ir. Lim Yew Soon berkata, pihaknya sudah mengambil tindakan kerja pengalihan kabel haram di lokasi yang dimaklumkan.

Katanya, selepas menerima aduan kabel elektrik menjadi punca utama banjir kilat sekitar ibu kota Mei lalu, pihaknya giat membuat kerja pengalihan kabel dengan kerjasama Alam Flora Sdn Bhd dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Berdasarkan siasatan di beberapa lokasi yang dimaklumkan, terdapat beberapa kawasan yang memasang rentangan kabel tidak

mengikut spesifikasi TNB.

“Oleh itu, surat teguran diberikan kepada pihak terbabit dan kerja pengalihan kabel dibuat selepas DBKL meluluskan permit untuk kerja mengorek jalan,” katanya.

Menurutnya, Alam Flora dan pihaknya turut mengenalpasti kabel haram lain di kawasan sekitar untuk melakukan kerja pengalihan kabel dan kos kerja pengalihan ditanggung pengguna atau pemilik kabel berkenaan.

Difahamkan, beberapa pemilik kabel tidak bertanggungjawab sudah dikenakan tindakan sewajarnya oleh DBKL.

Jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesahkan usaha pengalihan dan pemotongan kabel berkenaan giat dijalankan sejak dua bulan lalu dengan kerjasama TNB dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).